


MECD: LPKP/20/S/656/1 Jld. 2(33)



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 6 TAHUN 2008**

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN BAS EKSPRES TAMBAHAN
MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDIL FITRI 2008**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH : 8 September 2008

Semua Persatuan Bas Ekspres
Semua Persatuan Bas Sekolah
Semua Persatuan Bas Pekerja

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN BAS EKSPRES TAMBAHAN MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDIL FITRI 2008

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan garis panduan permohonan LPS bagi syarikat bas ekspres yang memerlukan bas ekspres tambahan bagi keperluan orang ramai pada musim perayaan Hari Raya Aidil Fitri 2008 mulai 15 September 2008 hingga 15 Oktober 2008.

LATAR BELAKANG

2. LPKP akan mengeluarkan Lesen Perubahan Sementara (LPS) bagi menampung kekurangan bas ekspres pada musim perayaan Hari Raya Aidil Fitri 2008 menggunakan bas ekspres, bas berhenti-henti, bas catar, bas sekolah, bas pekerja dan Lesen Jangka Pendek (LJP) bagi bas persiaran. Syarikat bas persiaran perlu juga memohon pengecualian penggunaan pemandu pelancong daripada Kementerian Pelancongan.

3. Kadar surcaj sebanyak 30% daripada harga tiket dibenarkan bagi bas ekspres, bas ekspres tambahan termasuk bas berhenti-henti bagi sepanjang tempoh tersebut. Pengiraannya dibundarkan kepada 10 sen ke atas.

4. LPKP juga meluluskan Laluan Terbuka bagi semua bas ekspres dan bas ekspres tambahan bagi sepanjang tempoh musim perayaan tersebut untuk kemudahan pihak syarikat mengatur laluan bas-bas mengikut keperluan orang ramai.

GARIS PANDUAN

5. Garis panduan permohonan LPS dan LJP adalah seperti berikut:
- (i) permohonan hendaklah dibuat oleh syarikat bas ekspres dengan menggunakan borang yang disediakan. Salinan dokumen yang berkaitan hendaklah disertakan,
 - (ii) permohonan hendaklah dikemukakan ke Pejabat LPKP sahaja. (JPJ tidak dibenarkan untuk memproses permohonan LPS/LJP dan catar pada musim perayaan).

SYARAT PERKHIDMATAN BAS TAMBAHAN

6. Syarikat yang mengendalikan bas tambahan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
- (i) menyediakan pemandu kedua bagi perjalanan yang melebihi 300 km atau masa perjalanan yang melebihi 4 jam;

- (ii) mencatatkan butir-butir perjalanan termasuk pertukaran pemandu ke dalam buku log;
- (iii) had usia bas tambahan (bas sekolah/pekerja) hendaklah tidak melebihi 12 tahun. Bagi bas yang berusia melebihi 12 tahun hingga 15 tahun, jarak perjalanan yang dibenarkan adalah tidak melebihi 300 km sehala.
- (iv) harga tambang/tiket hendaklah berdasarkan kadar tambang bas ekpres semasa dengan tambahan surcaj sebanyak 30%.

TERMINAL-TERMINAL BAS PADA MUSIM PERAYAAN

7. Semua perkhidmatan bas ekpres tambahan hendaklah beroperasi di terminal seperti berikut:

- (i) Hentian Putra dan Pekeliling bagi perjalanan ke Timur
- (ii) Hentian Puduraya dan Duta bagi perjalanan ke Utara
- (iii) Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil bagi perjalanan ke Selatan (bas tambahan dan bas ekpres biasa)

Terminal-terminal lain adalah seperti yang ditetapkan oleh JPJ.

PERANCANGAN AWAL OLEH SYARIKAT BAS EKSPRES

8. Bagi melicinkan urusan ini, syarikat bas ekpres perlu membuat perancangan lebih awal mengenai jumlah LPS/LJP yang diperlukan. Ini adalah bagi mengelakkan permohonan dibuat di saat-saat akhir yang membuka ruang bagi berlakunya kesilapan atau penyelewengan.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN”**



(NAIMAH BT. RAMLI)

PENGARAH,

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN

SEMENANJUNG MALAYSIA,

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

8 SEPTEMBER 2008

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan,
Ibu pejabat.